



**SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA**

## **KENYATAAN MEDIA**

**Bil.50/2018**

### **SPR NAFI DAKWAAN BERSIH**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) menafikan dakwaan BERSIH bahawa ia memanipulasi Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) untuk memenangkan pihak tertentu. SPR menegaskan bahawa semua proses PRU-14 telah dilaksanakan dengan telus dan adil tanpa sebarang unsur manipulasi terhadap mana-mana pihak. Pada hari pengundian awal dan pengundian biasa, semua proses adalah dikendalikan oleh petugas pilihan raya yang dilantik dikalangan orang awam yang berjumlah 259,000 orang dan ia turut disaksikan oleh semua ejen-ejen calon yang dilantik oleh calon/parti yang bertanding.

2. SPR tidak pernah bertindak campurtangan dalam semua urusan termasuk semasa proses pengiraan dan penjumlahan kertas undi. Keputusan penuh PRU-14 yang berpihak kepada gabungan parti Pakatan Harapan (PH) dan berlakunya peralihan kerajaan secara lancar dan teratur jelas membuktikan bahawa PRU-14 telah dijalankan secara telus dan adil. Dalam hal ini SPR bersedia untuk memberi kerjasama sepenuhnya bagi membuktikan bahawa tidak berlaku sebarang manipulasi atau penyelewengan semasa proses PRU-14.

Sekian dan terima kasih.

**TAN SRI MOHD HASHIM BIN ABDULLAH**

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

PUTRAJAYA

Tarikh : 14 Mei 2018 / 28 Syaaban 1439H